

27/06/1997

PKAUM pertikai skim gaji

KUALA LUMPUR, Khamis - Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Malaya (PKAUM) hari ini mempertikaikan kewajaran skim gaji baru yang akan dilaksanakan apabila universiti tempatan tertua itu dikorporatkan 1 Januari depan.

Presidennya, Prof Madya Mahathir Mohd Khir, yang melahirkan rasa terkilan persatuan itu berkata, formula baru itu secara langsung memperluaskan lagi jurang tangga gaji antara tenaga pengajar bertaraf profesor dengan bukan profesor di UM, sedangkan perbezaan itu sepatutnya dikurangkan.

Malah, katanya, bilangan profesor yang berpeluang memperoleh kenaikan pangkat sehingga ke gred jawatan teratas boleh dipertikaikan. Setakat ini, 133 tenaga pengajar di UM bertaraf profesor, 389 profesor madya, manakala 385 pensyarah biasa. Profesor madya dan pensyarah bukan profesor adalah kumpulan tenaga pengajar paling besar di UM, yang menurutnya harus diberi perhatian secukupnya.

Mahathir berkata, persatuan itu juga terkilan kerana tidak diberi peluang mengemukakan sebarang pandangan sebelum draf terakhir mengenai cadangan pengkorporatan UM dibentangkan dalam Kabinet.

Malah, PKAUM langsung tidak mengetahui sebarang kandungan draf pengkorporatan itu dan hanya memperoleh maklumat daripada laporan akhbar.

"Kami tidak mempertikaikan pengumuman pengkorporatan oleh Menteri Pendidikan. Saya juga tidak mempertikaikan niat baik beliau untuk memperbaiki skim perkhidmatan di universiti kerana saya selalu melihat dari segi objektifnya.

"Cuma, persatuan terkilan kerana sekurang-kurangnya PKAUM perlu diberi peluang untuk memberi pandangan dan terpulang kepada Menteri Pendidikan untuk terima ataupun tidak.

"Walaupun PKAUM pernah menemui Menteri dan Naib Canselor UM, kami hanya bercakap tanpa bahan bertulis atau hitam putih untuk menjadi titik tolak perbincangan dan keadaan itu banyak menimbulkan kekeliruan," katanya ketika ditemui hari ini.

(END)